

# Enam maut akibat wabak denggi



● Pasukan 'fogging' giat melakukan penyemburan di kawasan panas.

**SERI KEMBANGAN** – Penduduk di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) diminta lebih berwaspada berikutan statistik menunjukkan enam kematian akibat demam denggi sehingga minggu ke-14 yang lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah berkata, pertambahan kes positif daripada jumlah yang dilaporkan berbanding tahun lalu menunjukkan wabak demam denggi sama bahayanya dengan wabak Influenza A (H1N1).

Katanya, masyarakat seharusnya mengambil langkah drastik dengan membersihkan kawasan rumah dan memusnahkan tempat

yang berpotensi pembiakan nyamuk.

"Berdasarkan statistik, dua kematian dilaporkan di Seri Kembangan iaitu di Bukit Serdang dan Serdang Raya.

"Malah kita juga mengenal pasti beberapa kawasan termasuk Serdang Raya, Serdang Perdana, Taman Universiti dan Bukit Serdang sebagai kawasan panas wabak itu," katanya ketika ditemui Sinar Harian, di sini.

Hian Wah berkata, pihaknya dimaklumkan Jabatan Kesihatan MPSJ, 734 kes dilaporkan tahun ini dengan 469 daripadanya disahkan positif.

"Meskipun kes yang dilaporkan menunjukkan pe-

nurunan berbanding tahun lalu namun kes yang disahkan positif menunjukkan peningkatan.

"Malah saya difahamkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya merekodkan kes paling tinggi di seluruh kawasan MPSJ," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengingatkan kepada penduduk agar mengosongkan bekas-bekas yang boleh menampung air memandangkan telur nyamuk boleh hidup tanpa air dalam tempoh enam bulan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihak berkuasa akan memantau perkara ini dari masa ke masa dan maklumat terkini berhubung perkara ini akan di-



● Hian Wah (dua, kanan) ketika meninjau kawasan panas wabak denggi di Bukit Serdang.



● Hian Wah (tengah) merakam kenangan bersama pasukan 'fogging' di Bukit Serdang.

salurkan kepada penduduk.

"Malah pihak berwajib juga akan melakukan penyemburan kabus di kawasan yang dirasakan perlu

dan berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes," katanya

Katanya, pasukan penyemburan kabus yang di-

lakukan turut disertai Jabatan Kesihatan MPSJ dan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK).